

BULETIN



JSG 2026

Sorotan Sepanjang 2025

Anugerah . Aktiviti . Akademik . Komuniti



ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator	01
Amanah baharu pensyarah JSG	02
Penulisan & Penerbitan	03
Penyelidikan	06
Perundingan & Kepakaran	08
Membina penyelidik masa hadapan	13
Program internship	18
Pencapaian cemerlang JSG dalam merealisasikan perancangan strategik UiTM	21
Inovasi P&P	23
Memacu Inovasi Berimpak Tinggi	28
Pengajaran Kolaboratif JSG	33



Perjumpaan Bersama Penasihat Akademik & Pelajar	46
Majlis Apresiasi & Jamuan Raya 2026	48
Hari Inovasi 2025 & Citation Award	50
Team Building Akrab JSG 2025	53
Program Santai makan-makan unit Fizik	55
Bengkel Penulisan Jurnal Pendidikan	57
Bengkel Mendeley	60
Bengkel Bibliometrik Ke arah penerbitan berindeks & berimpak	62
Program Technology Preview & Showcase (TPS)	65
Bengkel Inovasi Penulisan Akademik Dengan Kecerdasan Buatan (AI)	67



Pengajaran Kolaboratif PHY 145- Fizik Kejuruteraan	36
Pengajaran Kolaboratif - Transformasi Pedagogi Fizik: Integrasi Industri dan Inovasi Gamifikasi Fundamental Physics I (PHY130) Thermodynamics.	38
Pengajaran Kolaboratif -ENT300: Fundamentals of Entrepreneurship – “Financial Plan: Step by Step”	40
Pengajaran Kolaboratif -CHM012: Electrochemistry	43
Pengajaran Kolaboratif -Organic Chemistry for Environmental Health	45



Misi Akademik ke Flat Mutiara Idaman Jelutong	69
Misi Akademik Ekspo Selangkah ke UiTM (JSG)	71
FIZIK @Padang Warisan	72
Stem Grooming Camp “Smart City Challenge”	74
Dari sekolah ke kampus: Lawatan SMK Tun Fatimah Hashim ke JSG	76
Critical Thinking: Fikir, reka dan bina	78
Sinar Kasih 2.0: perkongsian ilmu dan rezeki	80
Free Market 9.0 Raya Bergaya	84
MASMED Di Hari Bertemu Pelanggan BHEP 2025	85
TUNAS MADANI 2025	87
KARISTA 2025	90
Sambutan Hari & Bulan Akademia 2025	95
Quran Hour 2025	97

PROGRAM INTERNSHIP JSG:

Memperkasa Pengalaman Penyelidikan dan Khidmat Komuniti

Ainorkhilah, Suhaiza, Nor Aimi



Program internship merupakan platform penting dalam membina pengalaman pembelajaran yang holistik kepada pelajar universiti dengan menghubungkan pengetahuan akademik kepada aplikasi dalam persekitaran kerja sebenar. Seajar dengan komitmen dalam menyokong pembangunan bakat muda dan

memperkukuh ekosistem akademik, Jabatan Sains Gunaan (JSG), UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menerima tiga orang pelajar latihan industri yang berpeluang menimba pengalaman dalam pelbagai aktiviti penyelidikan, penerbitan akademik serta program khidmat komuniti sepanjang tempoh penempatan mereka di jabatan ini.

Pelajar yang terlibat ialah Khalilah Binti Ramzi dan Nur Fatimah Binti Zulkhifli daripada Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kampus Tapah yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, serta Siti Nur Hanim Binti Ahmad Sharifudin daripada Pusat Pengajian Sains Fizik, Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Sains Fizik. Sepanjang tempoh latihan industri, para pelajar ini telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam menyokong pelaksanaan pelbagai aktiviti di JSG serta Research Management Unit (RMU).



Selain membantu dalam pengurusan aktiviti jabatan, para pelajar turut terlibat secara aktif dalam beberapa program khidmat masyarakat (CSR) yang dianjurkan oleh jabatan seperti Program Sinar Kasih 2.0 dan Program Tunas Madani. Penglibatan dalam program-program ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peranan institusi

pengajian tinggi dalam menyumbang kepada pembangunan komuniti di samping meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan.

Penyelia	Pelajar	IPTA	Bidang Pengajian	Tempoh
Dr Ainorkhilah Mahmood (Penyelia Utama) Sharaf Ahmad (Penyelia Bersama) Abdul Halim Abd Hamid (Penyelia Bersama)	Khalilah Binti Ramzi	Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Kampus Tapah	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	24/3/2025-27/6/2025
Dr Ainorkhilah Mahmood (Penyelia Utama) Sharaf Ahmad (Penyelia Bersama) Abdul Halim Abd Hamid (Penyelia Bersama)	Nur Fatimah Binti Zulkhifli	Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Kampus Tapah	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	24/3/2025-27/6/2025
Dr Ainorkhilah Mahmood (Penyelia Utama) Suhaiza Hasan (Penyelia Bersama)	Siti Nur Hanim Binti Ahmad Sharifudin	Pusat Pengajian Sains Fizik, Universiti Sains Malaysia	Ijazah Sarjana Muda Sains Fizik	24/03/2025-07/09/2024

Di samping itu, para pelajar juga didedahkan kepada aspek penulisan akademik dan penerbitan penyelidikan. Mereka telah diberi bimbingan mengenai teknik penulisan artikel ilmiah, kaedah sitasi serta pengurusan rujukan menggunakan perisian Mendeley. Malah, para pelajar turut berpeluang terlibat dalam proses penyediaan kertas penyelidikan berasaskan analisis bibliometrik, sekali gus memberi pendedahan awal kepada mereka mengenai proses penerbitan akademik.



Sepanjang tempoh latihan industri, para pelajar ini dibimbing oleh Dr. Ainorkhilah Mahmood selaku Penyelia Utama, dengan sokongan daripada Sharaf Ahmad dan Abdul Halim Abd Hamid sebagai Penyelia Bersama. Bimbingan daripada para penyelia ini memastikan pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang menyeluruh merangkumi aspek akademik,

penyelidikan dan pembangunan kemahiran profesional.

Secara keseluruhannya, program internship ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dalam membina kemahiran praktikal dan profesional, malah turut menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan aktiviti jabatan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen JSG UiTM Cawangan Pulau Pinang dalam menyokong pembangunan modal insan serta memperkukuh jaringan kerjasama akademik antara institusi pengajian tinggi.

Hakmilik © 2026 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang, Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.

Diterbitkan pada 1 APRIL 2026
UNIT PENERBITAN JABATAN SAINS GUNAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

